



KERAJAAN MALAYSIA

**Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia**  
*(Malaysian Public Sector Accounting Standards)*

**MPSAS 9**

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Mac 2013

## **MPSAS 9 - HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN**

### **Pengiktirafan**

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 9 adalah berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 9, Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran, daripada *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada April 2011 dan digunakan dengan kebenaran IFAC. *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* © 2011 oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh :

Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000  
Faks : 03-88821765  
Web : <http://www.anm.gov.my>

**MPSAS 9 - HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN**

**KANDUNGAN**

---

	<i>Perenggan</i>
Objektif.....	
Skop.....	1–10
Takrif.....	11–13
Hasil.....	12–13
Pengukuran Hasil.....	14–17
Pengenalpastian Urus Niaga.....	18
Penyediaan Perkhidmatan.....	19–27
Jualan Barang.....	28–32
Faedah, Royalti dan Dividen.....	33–38
Pendedahan.....	39–40
Tarikh Kuat kuasa.....	41–42
Panduan Pelaksanaan	
Perbandingan dengan IPSAS 9	

---

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 9, *Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*, dinyatakan dalam perenggan 1-42. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 9 seharusnya dibaca dalam konteks objektifnya dan *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3 *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menerapkan dasar perakaunan disebabkan tiadanya petunjuk yang jelas.

## **Objektif**

*Rangka Kerja Penyediaan dan Pembentangan Penyata Kewangan* oleh IPSASB mentakrifkan pendapatan sebagai "peningkatan dalam manfaat ekonomi sepanjang tempoh perakaunan dalam bentuk aliran masuk atau penambahan aset atau pengurangan liabiliti yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan daripada penyumbang ekuiti." IPSASB mentakrifkan pendapatan sebagai merangkumi hasil dan untung. Piawaian ini menggunakan istilah "hasil," yang merangkumi hasil dan untung, bagi menggantikan istilah "pendapatan." Item khusus tertentu yang akan diiktiraf sebagai hasil yang dinyatakan dalam piawaian lain, adalah tidak termasuk dalam skop Piawaian ini. Sebagai contoh, untung yang diperoleh daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan secara khusus dinyatakan dalam piawaian bagi hartanah, loji dan peralatan dan tidak termasuk dalam Piawaian ini.

Objektif Piawaian ini adalah bagi menentukan pengolahan perakaunan untuk hasil yang timbul daripada urus niaga pertukaran dan peristiwa.

Isu utama dalam perakaunan untuk hasil adalah bagi menentukan bila pengiktirafan hasil dilakukan. Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa:

- (a) manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti; dan
- (b) manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Piawaian ini mengenal pasti keadaan yang memenuhi kriteria ini dan seterusnya hasil akan diiktiraf. Ia juga memberikan panduan praktikal berhubung penggunaan kriteria ini.

## **Skop**

1. Sesuatu entiti yang menyedia dan membentangkan penyata kewangan mengikut asas perakaunan akruan hendaklah menggunakan pakai Piawaian ini untuk memperakaunkan hasil yang diperoleh daripada urus niaga pertukaran dan peristiwa berikut:
  - (a) **Penyediaan perkhidmatan;**
  - (b) **Jualan barang;** dan
  - (c) **Penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa.**
2. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
3. Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.
4. Piawaian ini tidak terpakai kepada hasil yang diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran.
5. Entiti sektor awam mungkin memperoleh hasil daripada urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran. Urus niaga pertukaran adalah apabila entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabilitinya dilangsakan, dan secara langsung memberikan nilai yang setara (terutamanya

dalam bentuk barang, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada pihak lain dalam pertukaran. Contoh urus niaga pertukaran termasuklah:

- (a) Pembelian atau jualan barang atau perkhidmatan, atau
  - (b) Pajakan harta tanah, loji dan peralatan pada harga pasaran.
6. Untuk membezakan antara hasil pertukaran dengan bukan pertukaran, inti pati urus niaga dan bukannya bentuk urus niaga yang perlu dipertimbangkan. Contoh urus niaga bukan pertukaran termasuk hasil daripada penggunaan kuasa kerajaan (contohnya, cukai langsung dan tak langsung, duti dan denda), geran dan derma.
7. Penyediaan perkhidmatan biasanya melibatkan prestasi entiti bagi suatu tugas dalam tempoh masa yang dipersetujui. Perkhidmatan itu boleh diberikan dalam satu tempoh atau lebih. Contoh hasil yang biasa diterima daripada urusniaga pertukaran oleh entiti sektor awam termasuklah penyediaan perumahan, pengurusan kemudahan air, pengurusan jalan tol dan pengurusan bayaran pindahan. Hasil yang diperoleh daripada perjanjian bagi penyediaan perkhidmatan yang berkaitan secara langsung dengan kontrak pembinaan, sebagai contoh, perjanjian untuk mendapatkan perkhidmatan pengurus projek dan arkitek, tidak dibincangkan dalam Piawaian ini tetapi dibincangkan selaras dengan keperluan untuk kontrak pembinaan seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 11, *Kontrak Pembinaaan*.
8. Barang termasuk:
- (a) barang yang dihasilkan oleh entiti untuk tujuan jualan seperti penerbitan, dan
  - (b) barang yang dibeli untuk dijual semula, seperti barang niaga atau tanah dan harta lain yang dipegang untuk dijual semula.
9. Penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang memberikan hasil dalam bentuk:
- (a) Faedah - caj ke atas penggunaan wang tunai atau kesetaraan tunai, atau amaun yang terhutang kepada entiti;
  - (b) Royalti - caj ke atas penggunaan aset jangka panjang entiti, sebagai contoh, paten, tanda dagangan, hak cipta dan perisian komputer; dan
  - (c) Dividen atau pengagihan yang serupa - pengagihan lebih kepada pemegang pelaburan ekuiti mengikut kadar pegangan berdasarkan sesuatu kelas pegangan modal.
10. Piawaian ini tidak meliputi hasil yang diperoleh daripada:
- (a) Perjanjian pajakan (rujuk MPSAS 13, *Pajakan*);
  - (b) Dividen atau pengagihan serupa yang terhasil daripada pelaburan yang menggunakan kaedah ekuiti (rujuk MPSAS 7, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu*);
  - (c) Untung daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan (yang dinyatakan dalam MPSAS 17, *Hartanah, Loji dan Peralatan*);
  - (d) Kontrak insurans dalam skop piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan;

- (e) Perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti kewangan atau pelupusannya (panduan tentang pengiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan boleh didapati dalam MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*);
- (f) Perubahan dalam nilai aset semasa yang lain;
- (g) Pengiktirafan awal dan perubahan dalam nilai saksama aset biologi yang berkaitan dengan aktiviti pertanian (rujuk MPSAS 27, *Pertanian*);
- (gA) Pengiktirafan awal bagi keluaran pertanian (rujuk MPSAS 27); dan
- (h) Perlombongan bijih mineral.

## **Takrif**

11. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

**Urus niaga pertukaran** ialah urus niaga apabila sebuah entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barang, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran.

**Nilai saksama** ialah amaun sesuatu aset yang boleh ditukarkan atau liabiliti dilangsaikan, antara pihak yang berpengetahuan dan bersetuju dalam urus niaga secara telus.

**Urus niaga bukan pertukaran** ialah urus niaga yang bukan urus niaga pertukaran. Dalam urus niaga bukan pertukaran, sesuatu entiti sama ada menerima daripada atau memberi kepada entiti lain sesuatu nilai, tanpa secara langsung memberi atau menerima nilai yang hampir sama sebagai pertukaran.

**Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan juga dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam *Glosari Istilah yang Ditakrifkan* yang diterbitkan secara berasingan.**

## **Hasil**

12. Hasil merupakan aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang telah diterima dan belum terima oleh entiti dalam akaunnya sahaja. Amaun yang dikutip sebagai agen kepada kerajaan, organisasi kerajaan lain atau bagi pihak ketiga, contohnya, kutipan bayaran telefon dan elektrik oleh pejabat pos bagi pihak entiti yang menyediakan perkhidmatan tersebut bukanlah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang mengalir kepada pejabat pos tersebut, dan ia tidak menyebabkan peningkatan dalam aset atau pengurangan dalam liabilitinya. Oleh itu, kutipan itu tidak termasuk sebagai hasil. Begitu juga dalam hubungan agensi, aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan termasuk amaun yang dikutip bagi pihak prinsipal tidak menyebabkan peningkatan dalam aset bersih/ekuiti bagi entiti. Amaun yang dikutip bagi pihak prinsipal itu bukanlah hasil. Sebaliknya, hasil ialah amaun bagi apa-apa komisen yang diterima atau belum terima untuk kutipan atau pengendalian aliran kasar tersebut.

13. Aliran masuk daripada pembiayaan terutamanya pinjaman, tidak memenuhi takrif hasil kerana:
- ia menyebabkan perubahan yang sama bagi aset dan liabiliti; dan
  - tidak memberi kesan ke atas aset bersih/ekuiti.

Aliran masuk daripada pembiayaan dimasukkan terus ke dalam penyata kedudukan kewangan dan ditambah kepada baki aset dan liabiliti.

## **Pengukuran Hasil**

14. **Hasil hendaklah diukur pada pertimbangan nilai saksama yang diterima atau belum terima.**
15. Amaun hasil yang diperoleh daripada urus niaga biasanya ditentukan oleh perjanjian antara entiti dengan pembeli atau pengguna ke atas sesuatu aset atau perkhidmatan. Ia diukur pada pertimbangan nilai saksama yang diterima atau belum terima dengan mengambil kira apa-apa amaun diskaun dagangan dan rebat volum yang dibenarkan oleh entiti.
16. Dalam kebanyakan kes, pertimbangan adalah dalam bentuk wang tunai atau kesetaraan tunai, dan amaun hasil ialah amaun wang tunai atau kesetaraan tunai yang diterima atau belum terima. Walau bagaimanapun, apabila aliran masuk wang tunai atau kesetaraan tunai ditunda, nilai saksama bagi pertimbangan itu mungkin kurang daripada amaun nominal wang tunai yang diterima atau belum terima. Sebagai contoh, entiti mungkin memberikan kredit tanpa faedah kepada pembeli atau menerima nota belum terima dengan kadar faedah di bawah pasaran daripada pembeli sebagai balasan bagi jualan barang. Apabila sesuatu aturan secara efektif membentuk urus niaga pembiayaan, maka nilai saksama bagi pertimbangan tersebut ditentukan dengan mendiskaunkan kesemua penerimaan masa hadapan menggunakan kadar faedah tertaksir. Kadar faedah tertaksir boleh ditentukan sama ada:
- Kadar lazim bagi instrumen yang serupa oleh penerbit yang mempunyai penarafan kredit yang sama; atau
  - Kadar faedah yang mendiskaunkan amaun nominal sesuatu instrumen kepada harga jualan tunai semasa bagi barang atau perkhidmatan.

Perbezaan antara pertimbangan nilai saksama dan nilai nominal diiktiraf sebagai hasil faedah mengikut perenggan 33 dan 34.

17. Apabila barang atau perkhidmatan ditukarkan atau digantikan dengan barang atau perkhidmatan yang sama jenis dan nilainya, maka pertukaran itu tidak dianggap sebagai urus niaga yang menjana hasil. Keadaan ini biasanya berlaku bagi komoditi seperti minyak atau susu, apabila pembekal menukarkan atau menggantikan inventori di pelbagai lokasi untuk memenuhi permintaan di lokasi yang tertentu pada masa yang ditetapkan. Apabila barang dijual atau perkhidmatan diberikan sebagai pertukaran untuk barang atau perkhidmatan yang tidak serupa, maka pertukaran itu dianggap sebagai urus niaga yang menjana hasil. Hasil diukur pada nilai saksama barang atau perkhidmatan yang diterima, dilaraskan dengan apa-apa amaun pindahan wang tunai atau kesetaraan tunai. Apabila nilai saksama bagi barang atau perkhidmatan yang diterima tidak boleh diukur dengan pasti, maka hasil tersebut diukur

pada nilai saksama bagi barang atau perkhidmatan yang ditukarkan, dengan membuat pelarasian bagi apa-apa amaun pindahan wang tunai atau kesetaraan tunai.

## **Pengenalpastian Urus Niaga**

18. Kriteria pengiktirafan dalam Piawaian ini biasanya diguna pakai secara berasingan untuk setiap urus niaga. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, adalah perlu untuk menggunakan pakai kriteria pengiktirafan terhadap setiap komponen yang boleh dikenal pasti secara berasingan bagi satu urus niaga untuk menggambarkan inti pati urus niaga tersebut. Sebagai contoh, apabila harga satu produk termasuk amaun penyelenggaraan berikutnya boleh dikenal pasti, amaun itu perlu ditangguhkan, dan diiktiraf sebagai hasil dalam tempoh perkhidmatan penyelenggaraan diberikan. Sebaliknya, kriteria pengiktirafan diguna pakai kepada dua atau lebih urusniaga secara bersama apabila urus niaga ini berkaitan dalam cara yang kesannya tidak boleh difahami tanpa merujuk kepada beberapa siri urus niaga secara keseluruhan. Sebagai contoh, sesuatu entiti mungkin menjual barang dan pada masa yang sama mengikat perjanjian berasingan untuk membeli semula barang itu pada masa akan datang, sekali gus menafikan kesan substantif urus niaga itu. Maka dalam kes ini, kedua-dua urus niaga itu diuruskan sekali.

## **Penyediaan Perkhidmatan**

19. Apabila hasil bagi satu urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan boleh dianggarkan dengan pasti, maka hasil yang berkaitan dengan urus niaga itu perlu diiktiraf dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan urus niaga tersebut pada tarikh pelaporan. Keputusan daripada sesuatu urus niaga boleh dianggarkan dengan pasti apabila semua syarat berikut dipenuhi:
- (a) Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
  - (b) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti;
  - (c) Tahap kesempurnaan urus niaga pada tarikh pelaporan boleh diukur dengan pasti; dan
  - (d) Kos yang ditanggung untuk urus niaga dan kos untuk menyempurnakan urus niaga itu boleh diukur dengan pasti.
20. Pengiktirafan hasil berdasarkan tahap kesempurnaan urus niaga sering dirujuk sebagai kaedah peratusan siap. Di bawah kaedah ini, hasil diiktiraf dalam tempoh pelaporan semasa perkhidmatan itu diberi. Sebagai contoh, entiti yang memberikan perkhidmatan penilaian hartaanah akan mengiktiraf hasil sebaik sahaja setiap satu penilaian tersebut disempurnakan. Pengiktirafan hasil menggunakan asas ini memberikan maklumat yang berguna mengenai tahap kesempurnaan aktiviti perkhidmatan dan prestasi sepanjang satu tempoh. MPSAS 11 juga mengkehendaki pengiktirafan hasil berdasarkan asas ini. Keperluan Piawaian tersebut secara umumnya sesuai untuk pengiktirafan hasil dan belanja yang berkait dengan urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan.
21. Hasil diiktiraf hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga itu akan mengalir kepada entiti. Walau

bagaimanapun, apabila wujud ketidakpastian tentang kebolehkutipan sesuatu amaun yang telah diiktiraf sebagai hasil, maka amaun yang tidak boleh dikutip atau amaun yang tidak lagi mempunyai kebarangkalian untuk dipulihkan, hendaklah diiktiraf sebagai belanja dan bukannya sebagai pelarasan kepada amaun hasil yang telah diiktiraf pada asalnya.

22. Entiti secara umumnya boleh membuat anggaran yang munasabah selepas ia bersetuju dengan pihak lain bagi sesuatu urusniaga mengenai perkara berikut:

- (a) Hak yang boleh dikuatkuasakan oleh setiap pihak berhubung dengan perkhidmatan yang akan diberikan dan diterima oleh mereka;
- (b) Pertimbangan yang hendak ditukar; dan
- (c) Cara dan terma penyelesaian.

Adalah menjadi kebiasaan bagi sesuatu entiti untuk menyediakan bajet kewangan dan sistem pelaporan dalaman yang berkesan. Entiti akan menyemak semula dan apabila perlu, mengubah anggaran hasil ketika perkhidmatan sedang dijalankan. Keperluan untuk semakan semula tersebut tidak semestinya menunjukkan bahawa hasil daripada urus niaga itu tidak boleh dianggarkan dengan munasabah.

23. Tahap kesempurnaan sesuatu urus niaga boleh ditentukan melalui pelbagai kaedah. Sesebuah entiti akan menggunakan kaedah yang boleh mengukur dengan munasabah perkhidmatan yang dilaksanakan. Bergantung kepada jenis urus niaga, kaedah tersebut mungkin termasuk:

- (a) Kajian bagi kerja yang telah dilaksanakan;
- (b) Perkhidmatan yang telah dilaksanakan sehingga kini sebagai peratusan daripada keseluruhan perkhidmatan yang akan dilaksanakan; atau
- (c) Perkadaran kos yang telah ditanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos keseluruhan urus niaga tersebut. Hanya kos yang menunjukkan perkhidmatan yang telah dilaksanakan sehingga kini dimasukkan ke dalam kos yang ditanggung sehingga kini. Hanya kos yang menunjukkan perkhidmatan yang telah dilaksanakan atau yang akan dilaksanakan dimasukkan ke dalam anggaran jumlah kos urus niaga.

Bayaran kemajuan dan pendahuluan yang diterima daripada pelanggan biasanya tidak menggambarkan perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

24. Secara praktikalnya, apabila perkhidmatan dilaksanakan melalui beberapa aktiviti yang tidak dapat ditentukan dalam tempoh masa yang dinyatakan, maka hasil diiktiraf atas asas garis lurus sepanjang tempoh masa yang dinyatakan, kecuali terdapat bukti bahawa ada kaedah lain yang dapat menunjukkan tahap kesempurnaan dengan lebih baik. Apabila aktiviti tertentu adalah lebih signifikan daripada mana-mana aktiviti lain, maka pengiktirafan hasil ditangguhan sehingga aktiviti yang lebih signifikan itu dilaksanakan.
25. **Apabila keputusan daripada urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan tidak dapat dianggarkan dengan munasabah, maka hasil akan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang telah diiktiraf, yang boleh dipulih semula.**

26. Pada peringkat awal urus niaga, biasanya keputusan daripada urus niaga tidak dapat dianggarkan dengan munasabah. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan entiti akan memperoleh semula kos urus niaga yang telah ditanggung. Oleh itu, hasil hanya diiktiraf setakat kos yang ditanggung, yang boleh dipulih semula. Memandangkan keputusan daripada urus niaga tidak dapat dianggarkan dengan munasabah, maka tiada lebihan yang diiktiraf.
27. Apabila:
- (a) keputusan daripada urus niaga tidak dapat dianggarkan dengan munasabah, dan
  - (b) tidak terdapat kemungkinan bahawa kos yang ditanggung akan dipulih semula,
- maka hasil tidak boleh diiktiraf dan kos yang telah ditanggung hendaklah diiktiraf sebagai belanja. Apabila keadaan ketidakpastian yang menghalang keputusan kontrak dianggarkan dengan munasabah tidak lagi wujud, maka hasil hendaklah diiktiraf selaras dengan perenggan 19 dan bukannya perenggan 25.

## **Jualan Barang**

28. **Hasil daripada jualan barang akan diiktiraf apabila semua syarat berikut dipenuhi:**
- (a) **Entiti telah memindahkan kepada pembeli risiko dan ganjaran pemilikan yang signifikan bagi barang itu;**
  - (b) **Entiti tidak mengekalkan penglibatan pengurusan berterusan ke tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan, mahupun kawalan yang efektif ke atas barang yang dijual;**
  - (c) **Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;**
  - (d) **Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti; dan**
  - (e) **Kos yang telah atau akan ditanggung berhubung dengan urus niaga tersebut boleh diukur dengan pasti.**
29. Penilaian tentang bilakah entiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan yang signifikan kepada pembeli memerlukan pemeriksaan terhadap keadaan urus niaga. Dalam kebanyakan kes, pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan berlaku seiring dengan pemindahan hak milik sah atau pertukaran pemilikan kepada pembeli. Inilah yang berlaku dalam kebanyakan jualan. Walau bagaimanapun, dalam kes tertentu yang lain, pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan berlaku pada masa yang berlainan daripada pemindahan hak milik sah atau pertukaran pemilikan.
30. Jika entiti mengekalkan risiko yang signifikan terhadap pemilikan, urus niaga itu bukanlah jualan, dan hasil tersebut tidak diiktiraf sebagai hasil jualan. Entiti mungkin mengekalkan risiko pemilikan signifikan melalui beberapa contoh situasi seperti berikut:
- (a) Apabila entiti mengekalkan obligasi terhadap prestasi yang tidak memuaskan, yang tidak dilindungi oleh peruntukan jaminan yang normal;
  - (b) Apabila penerimaan hasil daripada jualan tertentu bergantung kepada penjanaan hasil oleh pembeli daripada jualan barangannya (sebagai contoh, apabila operasi penerbitan

- kerajaan mengedarkan bahan pendidikan ke sekolah atas dasar jualan atau pulang semula);
- (c) Apabila barang yang dihantar tertakluk kepada pemasangan, dan pemasangan itu merupakan bahagian penting kontrak yang belum disempurnakan oleh entiti; dan
  - (d) Apabila pembeli mempunyai hak untuk membatalkan pembelian atas sebab yang dinyatakan dalam kontrak jualan, dan entiti tidak pasti tentang kemungkinan untuk barang dipulangkan.
31. Jika entiti mengekalkan hanya risiko pemilikan yang tidak signifikan, maka urus niaga itu adalah jualan dan hasilnya diiktiraf. Sebagai contoh, penjual boleh mengekalkan hak milik sah barang semata-mata untuk melindungi kebolehkutipan amaun yang perlu dibayar. Dalam kes sedemikian, jika entiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan yang signifikan seperti di atas, maka urus niaga itu adalah jualan dan hasilnya diiktiraf. Satu lagi contoh entiti yang mengekalkan hanya risiko pemilikan yang tidak signifikan, mungkin adalah jualan yang menawarkan bayaran balik jika pembeli tidak berpuas hati. Hasil dalam kes tersebut boleh diiktiraf pada masa jualan, dengan syarat penjual boleh menganggarkan dengan pasti pulangan pada masa hadapan dan mengiktiraf liabiliti untuk pulangan tersebut berdasarkan pengalaman lepas dan faktor lain yang relevan.
32. Hasil diiktiraf hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan urus niaga itu akan mengalir kepada entiti. Dalam sesetengah kes, ini mungkin tidak berlaku sehingga hasil diterima atau sehingga ketidakpastian dihapuskan. Sebagai contoh, hasil mungkin bergantung pada keupayaan entiti lain untuk membekalkan barang sebagai sebahagian daripada kontrak, dan jika terdapat apa-apa keraguan bahawa perkara ini akan berlaku, pengiktirafan mungkin ditangguhkan sehingga ia berlaku. Apabila barang dibekalkan, maka ketidakpastian dihapuskan dan hasil akan diiktiraf. Walau bagaimanapun, apabila wujud ketidakpastian tentang kebolehkutipan sesuatu amaun yang telah dimasukkan ke dalam hasil, maka amaun yang tidak boleh dikutip atau amaun yang mungkin tidak lagi mempunyai kebarangkalian untuk dipulihkan, hendaklah diiktiraf sebagai belanja dan bukannya sebagai pelarasan kepada amaun hasil yang telah diiktiraf pada asalnya.

### **Faedah, Royalti dan Dividen atau Pengagihan yang Serupa**

33. **Hasil yang diperoleh daripada penggunaan oleh pihak lain terhadap aset entiti yang menghasilkan faedah, royalti, serta dividen atau pengagihan yang serupa hendaklah diiktiraf menggunakan pengolahan perakaunan yang dinyatakan dalam perenggan 34 apabila:**
- (a) **Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti; dan**
  - (b) **Amaun hasil boleh diukur dengan pasti.**
34. **Hasil hendaklah diiktiraf menggunakan pengolahan perakaunan berikut:**
- (a) **Faedah hendaklah diiktiraf atas dasar perkadarhan masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset;**

- (b) **Royalti hendaklah diiktiraf semasa ia diperoleh menurut inti pati perjanjian yang berkaitan; dan**
- (c) **Dividen atau pengagihan yang serupa hendaklah diiktiraf apabila hak pemegang saham atau entiti untuk menerima bayaran tersebut wujud.**
35. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar faedah yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset itu. Hasil faedah adalah termasuk amaun pelunasan bagi apa-apa diskau, premium atau perbezaan lain antara amaun bawaan awal dengan amaun tempoh matang sekuriti hutang.
36. Apabila faedah belum berbayar terakru sebelum pengambilalihan pelaburan dengan faedah, penerimaan faedah berikutnya diperuntukkan di antara tempoh prapengambilalihan dengan selepas pengambilalihan; namun hanya bahagian selepas pengambilalihan diiktiraf sebagai hasil. Apabila dividen atau pengagihan yang serupa bagi sekuriti ekuiti diisyiharkan daripada lebahan bersih pengambilalihan terdahulu, maka dividen tersebut atau pengagihan yang serupa ditolak daripada kos sekuriti. Jika sukar untuk membuat peruntukan tersebut kecuali secara arbitrari; dividen atau pengagihan yang serupa diiktiraf sebagai hasil kecuali ia jelas mewakili pemulihan sebahagian daripada kos sekuriti ekuiti.
37. Royalti, seperti royalti petroleum, diakru mengikut terma perjanjian yang berkaitan, dan biasanya diiktiraf mengikut asas tersebut melainkan, hasil tersebut lebih sesuai diiktiraf berdasarkan kepada beberapa asas lain yang sistematik dan rasional setelah mengambil kira inti pati perjanjian tersebut.
38. Hasil diiktiraf hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga itu akan mengalir kepada entiti. Walau bagaimanapun, apabila wujud ketidakpastian tentang kebolehkutipan sesuatu amaun yang telah dimasukkan ke dalam hasil, maka amaun yang tidak boleh dikutip atau amaun yang mungkin tidak lagi mempunyai kebarangkalian untuk dipulihkan, hendaklah diiktiraf sebagai belanja dan bukannya sebagai pelarasan kepada amaun hasil yang telah diiktiraf pada asalnya.

## Pendedahan

39. **Entiti hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Dasar perakaunan yang diterima pakai untuk pengiktirafan hasil, termasuk kaedah yang digunakan untuk menentukan tahap kesempurnaan urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan;**
- (b) **Amaun setiap kategori hasil yang signifikan yang diiktiraf sepanjang tempoh tersebut, termasuk hasil yang diperoleh daripada:**
- (i) **Penyediaan Perkhidmatan;**
- (ii) **Jualan barang;**
- (iii) **Faedah;**
- (iv) **Royalti; dan**

- (v) **Dividen atau pengagihan yang serupa; dan**
- (c) **Amaun hasil yang diperoleh daripada pertukaran barang atau perkhidmatan yang telah dimasukkan dalam setiap kategori hasil yang signifikan.**
40. Panduan tentang pendedahan apa-apa aset dan liabiliti luar jangka boleh didapati dalam MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*. Aset dan liabiliti luar jangka mungkin terhasil daripada item seperti kos jaminan, tuntutan, penalti atau kemungkinan kerugian.

### **Tarikh Kuat kuasa**

41. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini ke atas penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari, 2017. Penggunaan lebih awal digalakkan. Sekiranya entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari, 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
42. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

## **Panduan Pelaksanaan**

*Panduan ini hanyalah lampiran, dan bukan sebahagian daripada, MPSAS 9.*

- PP1. Entiti sektor awam memperoleh hasil daripada urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran. Piawaian ini hanya membincangkan hasil yang diperoleh daripada urus niaga pertukaran. Hasil daripada urus niaga pertukaran diperoleh daripada:
- (a) Jualan barang atau penyediaan perkhidmatan kepada pihak ketiga;
  - (b) Jualan barang atau penyediaan perkhidmatan kepada agensi kerajaan yang lain; dan
  - (c) Penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa.
- PP2. Penggunaan kriteria pengiktirafan kepada urus niaga tertentu boleh dipengaruhi oleh:
- (a) Undang-undang sedia ada yang berbeza, yang boleh menentukan titik masa tertentu ketika entiti memindahkan risiko dan ganjaran yang signifikan atas pemilikan. Oleh itu, contoh dalam seksyen panduan pelaksanaan ini perlu dibaca dalam konteks undang-undang sedia ada yang berbeza, pada ketika urus niaga tersebut berlaku; dan
  - (b) Jenis hubungan (secara kontrak atau sebaliknya) antara entiti yang membayar dengan entiti yang menerima hasil (iaitu entiti yang terlibat mungkin bersetuju dengan satu titik masa tertentu, bagi entiti yang menerima boleh mengiktiraf hasil).

## **Penyediaan Perkhidmatan**

### *Perumahan*

- PP3. Pendapatan sewa daripada penyewaan rumah diiktiraf apabila pendapatan itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.

### *Pengangkutan Sekolah*

- PP4. Hasil daripada tambang yang dikenakan kepada penumpang bagi perkhidmatan pengangkutan sekolah diiktiraf apabila pengangkutan disediakan.

### *Pengurusan Jalan Bertol*

- PP5. Hasil daripada pengurusan jalan bertol diiktiraf apabila ia diperoleh, berdasarkan penggunaan jalan itu.

### *Pemprosesan Kes Mahkamah*

- PP6. Hasil daripada pemprosesan kes mahkamah boleh diiktiraf sama ada dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan pemprosesan atau berdasarkan tempoh mahkamah bersidang.

### *Pengurusan Kemudahan, Aset atau Perkhidmatan*

- PP7. Hasil daripada pengurusan kemudahan, aset atau perkhidmatan diiktiraf sepanjang tempoh kontrak apabila perkhidmatan pengurusan disediakan.

*Penyelidikan Sains dan Teknologi*

- PP8. Hasil yang diterima daripada pelanggan bagi kontrak untuk menjalankan penyelidikan sains dan teknologi diiktiraf dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan setiap projek.

*Fi Pemasangan*

- PP9. Fi pemasangan diiktiraf sebagai hasil dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan pemasangan tersebut, melainkan jika ia berkaitan dengan jualan produk, maka ia diiktiraf apabila barang dijual.

*Fi Penyelenggaraan yang Termasuk dalam Harga Produk*

- PP10. Apabila harga jualan produk termasuk amaun yang dapat dikenal pasti untuk penyelenggaraan berikutnya (contohnya, perkhidmatan sokongan selepas jualan dan peningkatan produk bagi jualan perisian), maka amaun itu hendaklah ditunda dan diiktiraf sebagai hasil sepanjang tempoh perkhidmatan tersebut dilaksanakan. Amaun tertunda tersebut ialah amaun yang akan menampung jangkaan kos penyelenggaraan berdasarkan perjanjian, berserta pulangan munasabah bagi penyelenggaraan yang dijalankan.

*Komisen Agensi Insurans*

- PP11. Komisen agensi insurans yang diterima atau belum terima yang tidak memerlukan ejen untuk memberikan khidmat selanjutnya diiktiraf sebagai hasil oleh ejen itu pada tarikh berkuat kuasanya permulaan atau pembaharuan polisi berkaitan. Walau bagaimanapun, apabila ejen itu mungkin diperlukan untuk memberikan khidmat selanjutnya sepanjang hayat polisi itu, maka komisen, atau sebahagian daripadanya, ditunda dan diiktiraf sebagai hasil sepanjang tempoh polisi berkuasa.

*Fi Perkhidmatan Kewangan*

- PP12. Pengiktirafan hasil untuk fi perkhidmatan kewangan bergantung kepada:

- (a) tujuan fi itu dikenakan, dan
- (b) asas perakaunan bagi instrumen kewangan yang berkaitan.

Keterangan mengenai fi perkhidmatan kewangan mungkin tidak dapat menunjukkan jenis dan inti pati perkhidmatan yang disediakan. Oleh itu, adalah perlu untuk membezakan antara fi yang merupakan bahagian penting kepada pulangan efektif bagi instrumen kewangan dengan fi yang diperoleh apabila perkhidmatan diberikan dan dengan fi yang diperoleh daripada pelaksanaan tindakan yang signifikan.

- (a) **Fi yang merupakan bahagian penting kepada kadar faedah efektif bagi instrumen kewangan**

Fi tersebut secara umumnya diolah sebagai pelarasan kepada kadar faedah efektif. Walau bagaimanapun, apabila instrumen kewangan diukur pada nilai saksama dan perubahan dalam nilai saksama yang wujud diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, maka fi itu akan diiktiraf sebagai hasil semasa pengiktirafan awal instrumen tersebut.

- (i) *Fi asal yang diterima oleh entiti yang berkaitan dengan pengwujudan ataupun pengambilalihan asset kewangan selain asset di bawah MPSAS 29 adalah diklasifikasikan sebagai asset kewangan "pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan"*

Fi tersebut mungkin meliputi imbuhan bagi aktiviti seperti menilai keadaan kewangan peminjam, menilai dan merekodkan jaminan, aturan cagaran dan sekuriti lain, merundingkan terma instrumen, menyedia dan memproses dokumen dan penutupan urus niaga. Fi ini merupakan bahagian penting untuk menjana penglibatan dengan instrumen kewangan yang berhasil dan, bersama dengan kos urus niaga yang berkaitan (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 29), ditunda dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada kadar faedah efektif.

- (ii) *Fi komitmen diterima oleh entiti untuk memulakan pinjaman apabila komitmen pinjaman di luar skop MPSAS 29.*

Jika ada kemungkinan bahawa entiti akan mengikat aturan pinjaman khusus dan komitmen pinjaman itu tidak termasuk dalam skop MPSAS 29, maka fi komitmen yang diterima dianggap sebagai imbuhan untuk penglibatan berterusan dengan pemerolehan instrumen kewangan, berserta kos urus niaga yang berkaitan (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 29), hendaklah ditunda dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada kadar faedah efektif. Jika komitmen tersebut tamat tempoh tanpa entiti membuat pinjaman, maka fi akan diiktiraf sebagai hasil pada tarikh tamat tempoh. Komitmen pinjaman yang termasuk dalam skop MPSAS 29 hendaklah diperakaunkan sebagai derivatif dan diukur pada nilai saksama.

- (iii) *Fi asal yang diterima semasa menerbitkan liabiliti kewangan yang diukur pada kos pelunasan.*

Fi ini merupakan bahagian penting untuk menjana penglibatan dengan liabiliti kewangan. Apabila liabiliti kewangan tidak dikelaskan sebagai "pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan", fi asal yang diterima tersebut berserta kos urus niaga yang berkaitan (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 29) yang dikenakan, dimasukkan dalam amaun bawaan awal bagi liabiliti kewangan tersebut dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada kadar faedah efektif. Entiti hendaklah membezakan fi dan kos yang merupakan bahagian penting kepada kadar faedah efektif bagi liabiliti kewangan tersebut daripada fi asal yang diterima dan kos urus niaga yang berkaitan dengan hak untuk memberikan perkhidmatan, seperti perkhidmatan pengurusan pelaburan.

**(b) Fi diperoleh apabila perkhidmatan disediakan**

- (i) *Fi dikenakan untuk pemprosesan pinjaman*

Fi yang dikenakan oleh entiti untuk pemprosesan pinjaman diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan disediakan.

- (ii) *Fi komitmen untuk memulakan pinjaman apabila komitment pinjaman berada di luar skop MPSAS 29*

Jika tiada kemungkinan bahawa aturan pinjaman khusus akan diikat dan komitmen pinjaman berada di luar skop *MPSAS 29*, maka fi komitmen tersebut diiktiraf sebagai hasil berasaskan perkadaruan masa sepanjang tempoh komitmen. Komitmen pinjaman yang termasuk dalam skop *MPSAS 29* dilaporkan sebagai derivatif dan diukur pada nilai saksama.

- (iii) *Fi pengurusan pelaburan*

Fi yang dikenakan untuk menguruskan pelaburan diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan disediakan.

Kos tambahan yang berkaitan secara langsung untuk mendapatkan kontrak pengurusan pelaburan diiktiraf sebagai aset jika ia boleh dikenal pasti secara berasingan dan diukur dengan pasti, serta terdapat kemungkinan bahawa ia akan dipulih semula. Seperti dalam *MPSAS 29*, kos tambahan adalah kos yang tidak perlu ditanggung oleh entiti jika ia tidak mendapat kontrak pengurusan pelaburan. Aset itu mewakili hak berkontrak entiti untuk mendapatkan manfaat daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan pelaburan, dan akan dilunaskan apabila entiti mengiktiraf hasil yang berkaitan. Jika entiti mempunyai portfolio kontrak pengurusan pelaburan, ia boleh menilai pemulihannya berasaskan portfolio.

Sesetengah kontrak perkhidmatan kewangan melibatkan pewujudan satu atau lebih instrumen kewangan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan pelaburan. Contohnya ialah kontrak penjimatan bulanan jangka panjang yang berkait dengan pengurusan sekumpulan sekuriti ekuiti. Penyedia kontrak hendaklah membezakan antara kos urus niaga yang berkaitan dengan pewujudan instrumen kewangan dengan kos bagi mendapatkan hak memberikan perkhidmatan pengurusan pelaburan.

**(c) Fi yang diperoleh daripada pelaksanaan tindakan signifikan**

Fi akan diiktiraf sebagai hasil apabila tindakan signifikan telah diselesaikan, seperti dalam contoh di bawah.

- (i) *Komisen bagi peruntukan saham kepada pelanggan*

Komisen diiktiraf sebagai hasil apabila saham telah diperuntukkan.

- (ii) *Fi perletakan bagi mengatur pinjaman antara peminjam dengan pelabur*

Fi ini diiktiraf sebagai hasil apabila pinjaman telah diatur.

- (iii) *Fi Pensindiketan Pinjaman*

Fi pensindiketan yang diterima oleh entiti yang mengaturkan pinjaman tanpa mengekalkan apa-apa pakej pinjaman untuk dirinya sendiri (atau mengekalkan sebahagiannya pada kadar faedah efektif yang sama bagi risiko boleh banding seperti peserta yang lain), adalah imbuhan bagi khidmat

pensindiketan yang disediakan. Fi tersebut diiktiraf sebagai hasil apabila pensindiketan selesai.

*Yuran Penyertaan*

- PP13. Hasil daripada persembahan seni, bankuet dan acara khas lain diiktiraf apabila peristiwa tersebut berlaku. Apabila langganan untuk beberapa acara dijual, hasil yuran akan diagihkan kepada setiap acara berdasarkan kepada tahap penyempurnaan perkhidmatan tersebut.

*Yuran Pengajian*

- PP14. Hasil diiktiraf sepanjang tempoh pengajian.

*Yuran Permulaan, Kemasukan dan Keahlian*

- PP15. Pengiktirafan hasil bergantung kepada jenis perkhidmatan yang disediakan. Jika sesuatu yuran hanya dikhurasukan untuk keahlian, dan perkhidmatan atau produk lain dibayar secara berasingan, atau jika terdapat yuran tahunan yang berasingan, maka yuran tersebut diiktiraf sebagai hasil apabila tiada ketidakpastian yang signifikan wujud berhubung dengan kebolehkuтиan. Jika yuran melayakkan ahli menerima perkhidmatan ataupun penerbitan sepanjang tempoh keahlian, atau untuk membeli barang atau perkhidmatan pada harga yang lebih rendah daripada yang dikenakan kepada bukan ahli, ia akan diiktiraf menggunakan atas yang boleh menggambarkan pemasaan, jenis dan nilai manfaat yang diberikan.

*Fi Francais atau Konsesi*

- PP16. Fi francais atau konsesi boleh merangkumi penyediaan perkhidmatan awal dan berikutnya, peralatan dan aset ketara lain, serta pengetahuan. Oleh itu, fi francais atau konsesi diiktiraf sebagai hasil berdasarkan kepada tujuan fi tersebut dikenakan. Kaedah pengiktirafan fi francais atau konsesi berikut adalah sesuai:

(a) **Bekalan Peralatan dan Aset Ketara Lain**

Amaun, berdasarkan nilai saksama aset yang dijual, diiktiraf sebagai hasil apabila item disampaikan atau hak milik bertukar tangan.

(b) **Penyediaan Perkhidmatan Awal dan Berikutnya**

Fi untuk menyediakan perkhidmatan yang berterusan, sama ada sebahagian daripada fi awal atau fi berasingan, diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan diberikan. Apabila fi berasingan tidak meliputi kos perkhidmatan berterusan serta pulangan yang munasabah, sebahagian daripada fi awal itu akan ditunda dan diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan disediakan.

(c) **Fi Francais atau Konsesi Berterusan**

Fi yang dikenakan terhadap penggunaan hak berterusan yang diberikan dalam perjanjian, atau bagi perkhidmatan lain yang diberikan sepanjang tempoh perjanjian, diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan diberikan ataupun hak digunakan.

(d) **Urus Niaga Agensi**

Urus niaga boleh berlaku antara pemberi francais dengan penerima francais yang pada dasarnya, melibatkan pemberi francais yang bertindak sebagai ejen bagi penerima

francais. Sebagai contoh, pemberi francais boleh memesan bekalan dan menguruskan penghantarannya kepada penerima francais tanpa balasan. Urus niaga tersebut tidak menimbulkan hasil.

*Fi daripada Pembangunan Perisian Tersuai*

PP17. Fi daripada pembangunan perisian tersuai diiktiraf sebagai hasil dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan pembangunan, termasuk kesempurnaan perkhidmatan yang disediakan untuk khidmat sokongan selepas penghantaran.

**Jualan Barang**

*Jualan "Bil dan Tangguh", apabila Penghantarannya Ditangguhkan atas Permintaan Pembeli tetapi Pembeli Mengambil Hak Milik dan Menerima Bil*

PP18. Hasil diiktiraf apabila pembeli mengambil hak milik, dengan syarat:

- (a) *Terdapat kebarangkalian bahawa penghantaran akan dibuat;*
- (b) *Item berada di tangan, dikenal pasti dan sedia untuk diserahkan kepada pembeli pada masa jualan itu diiktiraf;*
- (c) *Pembeli secara khususnya mematuhi arahan penghantaran tertunda; dan*
- (d) *Terma pembayaran biasa digunakan.*

Hasil tidak diiktiraf apabila ia hanya berhasrat untuk memperoleh atau mengilang barang itu sebelum penghantaran.

PP19. *Penghantaran Barang Bersyarat*

(a) **Pemasangan dan pemeriksaan**

Hasil biasanya diiktiraf apabila pembeli menerima penghantaran, dan pemasangan serta pemeriksaan selesai. Walau bagaimanapun, hasil diiktiraf sebaik sahaja pembeli menerima penghantaran apabila:

- (i) Proses pemasangan adalah mudah, atau
- (ii) Pemeriksaan dilakukan hanya untuk tujuan penentuan akhir harga kontrak.

(b) **Tertakluk kepada kelulusan apabila pembeli telah merundingkan hak pemulangan terhad**

Jika terdapat ketidakpastian kemungkinan berlakunya pemulangan, hasil akan diiktiraf apabila penghantaran telah diterima secara rasmi oleh pembeli ataupun barang telah dihantar dan tempoh masa untuk membuat penolakan telah tamat.

(c) **Jualan konsainan apabila penerima (pembeli) mengaku janji untuk menjual barang bagi pihak penghantar (penjual)**

Hasil diiktiraf oleh penghantar apabila barang dijual oleh penerima kepada pihak ketiga.

(d) **Jualan tunai semasa penghantaran**

Hasil diiktiraf apabila penghantaran dibuat dan wang tunai diterima oleh penjual atau ejennya.

*Jualan Ansuran Barang Tertahan, iaitu Barang Hanya Dihantar apabila Pembeli Membuat Pembayaran Akhir dalam Satu Siri Ansuran*

PP20. Hasil daripada jualan tersebut diiktiraf apabila barang dihantar. Walau bagaimanapun, sekiranya pengalaman lepas menunjukkan bahawa kebanyakan jualan itu disempurnakan, hasil boleh diiktiraf apabila deposit yang signifikan diterima, dengan syarat barang telah berada di tangan, dapat dikenal pasti dan sedia untuk diserahkan kepada pembeli.

*Pesanan Apabila Pembayaran Pendahuluan (atau Pembayaran Separa) telah Diterima bagi Penghantaran Barang yang pada Ketika itu Tiada dalam Inventori; Contohnya, Barang Masih dalam Pembuatan atau akan Dihantar Terus kepada Pelanggan daripada Pihak Ketiga.*

PP21. Hasil diiktiraf apabila barang telah dihantar kepada pembeli.

*Perjanjian Jualan dan Belian Semula (Selain Urus niaga Swap) yang Penjual Bersetuju Secara Serentak untuk Membeli Semula Barang yang Sama pada Tarikh Terkemudian, atau apabila Penjual mempunyai Opsyen Beli untuk Membeli Semula, atau Pembeli mempunyai Opsyen Jual yang Menghendaki Penjual Membeli Semula Barang*

PP22. Terma perjanjian perlu dianalisis untuk menentukan sama ada, pada dasarnya, penjual telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan kepada pembeli, dan dengan itu hasil diiktiraf. Apabila penjual mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan, walaupun hak milik sah telah dipindahkan, urus niaga itu adalah satu aturan pembiayaan dan tidak diiktiraf sebagai hasil.

*Jualan kepada Orang Tengah, Seperti Pengedar, Wakil Pengedar atau lain-lain untuk Jualan Semula*

PP23. Hasil daripada jualan sedemikian secara umumnya diiktiraf apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan. Walau bagaimanapun, apabila pembeli pada intipatinya bertindak sebagai ejen, jualan tersebut dianggap sebagai jualan konsainan.

*Langganan Penerbitan dan Item yang Serupa*

PP24. Apabila item yang terlibat mempunyai nilai yang sama dalam setiap tempoh masa, maka hasil diiktiraf atas asas garis lurus sepanjang tempoh item itu dihantar. Apabila nilai item tersebut berbeza dari semasa ke semasa, hasil diiktiraf berdasarkan nilai jualan item yang dihantar yang berkaitan dengan jumlah anggaran nilai jualan semua item yang termasuk dalam langganan.

*Jualan Ansuran, apabila Pertimbangan Akan Diterima secara Ansuran*

PP25. Hasil yang diperoleh daripada harga jualan, tidak termasuk faedah, diiktiraf pada tarikh jualan. Harga jualan ialah nilai kini pertimbangan, yang ditentukan dengan mendiskaunkan ansuran belum terima pada kadar faedah imput. Elemen faedah diiktiraf sebagai hasil apabila ia diperoleh, atas asas perkadarannya masa yang mengambil kira kadar faedah imput.

*Jualan Harta Tanah*

- PP26. Hasil biasanya diiktiraf apabila hak milik sah bertukar kepada pembeli. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah bidang kuasa, kepentingan ekuiti harta tanah mungkin terletak hak pada pembeli sebelum hak milik sah bertukar, dan oleh itu risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan pada peringkat itu. Dalam kes seperti ini, ia mungkin sesuai diiktiraf sebagai hasil dengan syarat penjual tidak lagi mempunyai tindakan penting untuk disempurnakan di bawah kontrak tersebut. Dalam setiap kes di atas, jika penjual bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang tindakan yang signifikan selepas pemindahan hak milik ekuiti dan/atau hak milik sah, hasil diiktiraf kerana tindakan tersebut telah dilakukan. Contohnya ialah bangunan atau kemudahan lain yang masih belum disiapkan.
- PP27. Dalam sesetengah kes, harta tanah boleh dijual dengan tahap penglibatan yang berterusan oleh penjual, iaitu risiko dan ganjaran pemilikan belum lagi dipindahkan. Contohnya:
- (a) perjanjian jualan dan belian semula termasuk opsyen jual dan beli, dan
  - (b) perjanjian apabila penjual menjamin harta tanah tersebut akan didiami untuk tempoh yang dinyatakan, atau menjamin pulangan pelaburan pembeli bagi tempoh yang dinyatakan.

Dalam kes ini, jenis dan tahap penglibatan berterusan penjual menentukan bagaimana urus niaga tersebut diakaunkan. Ia mungkin diakaunkan sebagai jualan, atau sebagai pembiayaan, pajakan atau aturan perkongsian keuntungan yang lain. Jika ia diakaunkan sebagai jualan, penglibatan berterusan penjual boleh menyebabkan pengiktirafan hasil tertangguh.

- PP28. Penjual perlu juga mengambil kira cara pembayaran dan bukti komitmen pembeli untuk melunaskan bayaran. Sebagai contoh, apabila jumlah bayaran yang diterima, termasuk bayaran pendahuluan atau bayaran selanjutnya oleh pembeli, memberikan bukti yang tidak mencukupi tentang komitmen pembeli untuk melunaskan bayaran, maka hasil diiktiraf hanya setakat tunai yang diterima.

**Faedah, Royalti dan Dividen atau Pengagihan yang Serupa**

*Fi Lesen dan Royalti*

- PP29. Fi dan royalti yang dibayar untuk menggunakan aset entiti (seperti tanda dagangan, paten, perisian, hak cipta muzik, fail induk rekod dan filem wayang gambar) biasanya diiktiraf selaras dengan inti pati perjanjian. Secara praktikalnya, ini mungkin atas asas garis lurus sepanjang hayat perjanjian, sebagai contoh, apabila seorang pemegang lesen mempunyai hak untuk menggunakan teknologi tertentu sepanjang tempoh masa yang dinyatakan.
- PP30. Pemberian hak dengan fi tetap atau jaminan tanpa pulangan balik di bawah kontrak tidak boleh batal yang:
- (a) membenarkan pemegang lesen mengeksplotasi hak tersebut secara bebas; dan
  - (b) pemberi lesen itu tidak mempunyai obligasi lain untuk dilakukan,
- secara inti patinya adalah jualan. Contohnya ialah perjanjian pelesenan bagi penggunaan perisian apabila pemberi lesen tidak lagi mempunyai obligasi selepas penghantaran. Contoh lain ialah pemberian hak penayangan filem wayang gambar dalam pasaran di mana pemberi

lesen tidak mempunyai kawalan ke atas pengedar dan menjangka tidak akan menerima hasil seterusnya daripada kutipan jualan terlaris. Dalam kes ini, hasil diiktiraf semasa jualan.

- PP31. Dalam sesetengah kes, sama ada fi lesen atau royalti akan diterima atau tidak bergantung kepada berlakunya sesuatu peristiwa akan datang. Dalam kes sedemikian, hasil diiktiraf hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa fi atau royalti akan diterima, yang biasanya diterima apabila peristiwa telah berlaku.

### **Pengiktirafan dan Pengukuran**

*Penentuan sama ada sesebuah entiti bertindak sebagai prinsipal ataupun ejen (Pindaan 2010)*

- PP32. Perenggan 12 menyatakan bahawa "dalam hubungan agensi, aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan adalah termasuk amaun yang dikutip bagi pihak prinsipal dan tidak menyebabkan peningkatan dalam aset bersih/ekuiti entiti. Amaun yang dikutip bagi pihak prinsipal itu bukanlah hasil. Sebaliknya, hasil adalah apa-apa amaun komisen yang diterima atau belum terima bagi pengutipan atau pengendalian aliran kasar tersebut." Untuk menentukan sama ada sesebuah entiti bertindak sebagai prinsipal atau ejen memerlukan penilaian dan pertimbangan segala fakta dan keadaan yang berkaitan.
- PP33. Entiti bertindak sebagai prinsipal apabila ia terdedah kepada risiko dan ganjaran yang signifikan berkaitan dengan jualan barang atau penyediaan perkhidmatan. Ciri yang menunjukkan bahawa entiti bertindak sebagai prinsipal termasuk:
- (a) Entiti mempunyai tanggungjawab utama untuk menyediakan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan atau untuk memenuhi pesanan tersebut, contohnya bertanggungjawab terhadap penerimaan produk atau perkhidmatan yang dipesan atau dibeli oleh pelanggan;
  - (b) Entiti mempunyai risiko inventori sebelum atau selepas pesanan pelanggan, semasa penghantaran ataupun semasa pemulangan barang;
  - (c) Entiti mempunyai kebebasan untuk menentukan harga, sama ada secara langsung atau tak langsung, contohnya dengan memberikan barang atau perkhidmatan tambahan; dan
  - (d) Entiti menanggung risiko kredit pelanggan untuk amaun belum terima daripada pelanggan.
- PP34. Entiti bertindak sebagai agen apabila ia tidak terdedah kepada risiko dan ganjaran signifikan yang berkaitan dengan jualan barang atau penyediaan perkhidmatan. Satu ciri yang menunjukkan bahawa entiti itu bertindak sebagai ejen adalah amaun yang diperolehi oleh entiti ditentukan terlebih dahulu, iaitu sama ada fi tetap bagi setiap urus niaga ataupun peratusan yang dinyatakan daripada amaun yang dibilkan kepada pelanggan.

### **Perbandingan dengan IPSAS 9**

MPSAS 9, *Pendapatan daripada Urus Niaga Pertukaran* adalah digubal berasaskan kepada IPSAS 9 (2011). Perbezaan utama antara MPSAS 9 dengan IPSAS 9 adalah seperti yang berikut:

- Pada perenggan 3, MPSAS 9 menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB manakala IPSAS 9 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.